

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN  
BIN MOHAMAD [ LIPIS ]**

**NO. SOALAN : 19**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan jumlah permohonan dan  
jumlah kelulusan Program Rumah Bina Negara yang  
akan dibina bagi tahun 2018 ini khususnya di  
Parlimen Lipis.

58

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Yang Berhormat, FELCRA Bhd. selaku agensi pelaksana program Rumah Bina Negara (Rumah BN) secara berkelompok telah menerima sebanyak 61 permohonan dari Parlimen Lipis bagi tahun 2018.

Berdasarkan semakan terhadap kesemua permohonan yang diterima oleh FELCRA dari Parlimen Lipis adalah mendapati bahawa terdapat sebilangan pemohon-pemohon Rumah BN di Parlimen Lipis yang memenuhi kriteria dan syarat yang telah ditetapkan.

Sehubungan itu, pihak FELCRA merancang untuk membina sebanyak 50 unit Rumah BN di Kampung Tanjung Gahai, Lipis.

Manakala, RISDA selaku agensi pelaksana program Rumah Rumah BN secara individu pula telah menerima sebanyak 30 permohonan dari Parlimen Lipis. Walau bagaimanapun, hanya 11 permohonan yang menepati syarat-syarat program Rumah BN dan dikemukakan kepada pihak Bank bagi tujuan untuk mendapatkan pembiayaan.

Sehingga kini, pihak Bank telah menolak sebanyak 4 permohonan daripada 11 permohonan tersebut kerana tidak memenuhi kriteria dan garis panduan pinjaman yang ditetapkan oleh pihak Bank. Manakala, baki 7 permohonan lagi masih dalam pertimbangan oleh pihak Bank.

Program Rumah BN hanya akan ditawarkan kepada pemohon-pemohon yang memenuhi syarat-syarat program Rumah BN dan yang berjaya mendapatkan pembiayaan pinjaman daripada pihak Bank.